

# 1 :: PENGENALAN



Latihan Mengajar (LM) merupakan satu proses latihan amali untuk pelajar/guru pelatih mempraktikkan segala teori dan kaedah yang telah dipelajari sewaktu mengikuti pengajian dalam bidang pendidikan. Latihan ini adalah bagi memenuhi sebahagian daripada penganugerahan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (ISMP) dan Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah (DPLI) di Universiti Teknologi Malaysia.

## 1.2 Objektif

Objektif latihan mengajar ialah untuk

- a) memberi latihan dan bimbingan kepada guru pelatih dalam persekitaran sekolah
- b) memberi pendedahan dan penghayatan tentang etika profesi perguruan
- c) menilai kebolehan guru pelatih menjalankan tugas sebagai seorang guru

## 1.3 Tempoh Latihan Mengajar

Semua guru pelatih ISMP dan DPLI disyaratkan menjalani LM di sekolah dalam tempoh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik Fakulti Pendidikan (JKLP).

## 1.4 Syarat Menjalani Latihan Mengajar

Guru Pelatih yang akan menjalani LM perlu memenuhi syarat-syarat berikut:

- a) lulus dan memperolehi sekurang-kurangnya gred D+ bagi mata pelajaran Asas Pedagogi dan Kaedah Mengajar
- b) memperolehi sekurang-kurangnya gred B+ bagi mata pelajaran Pengajaran Mikro
- c) memperolehi PNGK sekurang-kurangnya 2.00
- d) mendapat kelulusan daripada Dekan/JKLP

## 1.5 Pengecualian Latihan Mengajar

Pelajar boleh memohon untuk dikecualikan daripada menjalani LM sekiranya telah memperolehi sijil/diploma perguruan dari institusi yang diiktiraf dan diperakarkan oleh JKLP. Bagaimanapun permohonan pengecualian ini tertakluk kepada kelulusan pihak Fakulti Pendidikan

## 1.6 Penangguhan Latihan Mengajar

Pelajar boleh memohon untuk menangguhkan diri daripada menjalani LM atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. Bagaimanapun permohonan penangguhan ini tertakluk kepada kelulusan JKLP. Permohonan penangguhan LM hendaklah dikemukakan kepada pihak JKLP tiga (3) minggu sebelum LM bermula. Penangguhan ini boleh menyebabkan pelajar lewat bergraduan.

### 1.7 Penempatan Latihan Mengajar

Pelajar yang akan menjalani LM akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang ditetapkan oleh JKLP. Pelajar terlebih dulu perlu mendaftar untuk menjalani LM secara 'online' melalui laman web <http://www.fp.utm.my> mengikut tarikh yang akan diumumkan oleh JKLP. Bagaimanapun pelajar boleh membuat rayuan pertukaran penempatan dalam tempoh satu (1) minggu selepas senarai penempatan diumumkan.

### 1.8 Rancangan Orientasi Sekolah (ROS)

Program ini bertujuan memberi peluang kepada pelajar memahami sekolah sebagai sebuah institusi pendidikan, peranan guru dalam bilik darjah, tingkah laku murid, pengurusan sekolah dan pengurusan bilik darjah melalui pemerhatian, penelitian dokumen, dan refleksi. Pelajar dikehendaki menyediakan portfolio ROS serta membuat laporan dan refleksi bagi empat komponen organisasi sekolah iaitu;

Komponen I: Pengurusan

Komponen II: Prasarana

Komponen III: Kurikulum

Komponen IV: Ko kurikulum

Pelajar dikehendaki memperolehi sekurang-kurangnya Tahap 4 dalam penilaian portfolio ROS bagi pertimbangan untuk mendapat taraf lulus dalam LM.

### 1.9 Syarat Lulus Latihan Mengajar

Bagi mendapatkan status lulus dalam LM seorang guru pelatih mestilah

- a) telah menjalani LM selama sekurang-kurangnya selama satu tempoh masa yang ditetapkan oleh JKLP
- b) telah menjalani LM dengan memuaskan sebagaimana yang diperakukan oleh pensyarah pembimbing, guru pembimbing, dan pengetua sekolah.
- c) telah menunjukkan sikap, disiplin dan tingkah laku yang sesuai dengan kod etika profesion perguruan dalam tempoh LM. Perakuan tidak memuaskan daripada pihak sekolah boleh menyebabkan pelajar GAGAL LM
- d) telah menjalani Rancangan Orientasi Sekolah (ROS), serta memperolehi sekurang-kurangnya tahap 4 dalam penilaian portfolio ROS
- e) memperolehi sekurang-kurang Gred C+ (bagi guru pelatih ISMP) dan gred B- (bagi guru pelatih DPLI) serta diperakukan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik dan Senat Universiti. Guru Pelatih yang mendapat status gagal dikehendaki mengulangi LM pada sesi pengajian berikutnya (tertakluk kepada tempoh maksima pengajian).



## 2 :: PERATURAN LATIHAN MENGAJAR

### 2.1 Pengenalan

Peraturan LM merupakan garis panduan yang harus diikuti oleh guru pelatih sepanjang tempoh LM. Kegagalan mematuhi mana-mana peraturan akan menyebabkan guru pelatih itu boleh diambil tindakan tatatertib dan boleh digagalkan dalam LM (lihat perkara 1.9: Syarat Lulus LM) seperti yang tercatat di dalam buku ini. Guru pelatih juga tertakluk kepada peraturan universiti dan peraturan sekolah.

### 2.2 Peraturan Umum

Guru pelatih dikehendaki mematuhi peraturan berikut:

- mestilah menjalani LM dalam jangka waktu yang telah ditetapkan oleh JKLP
- diwajibkan menghadiri taklimat LM yang telah ditetapkan oleh JKLP
- membuat lawatan ke sekolah secara berkumpulan. Tujuan lawatan adalah untuk memperkenalkan diri kepada pengetua dan guru penolong kanan serta mendapatkan jadual waktu dan takwim sekolah. Lawatan ini hendaklah dibuat dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh JKLP
- menunjukkan sikap, disiplin serta tingkah laku yang sesuai dengan kod etika profesion perguruan
- mematuhi polisi dan peraturan sekolah tempat pelatih menjalani LM
- menghormati pengetua, guru penolong kanan, guru-guru dan rakan sejawat serta menjaga hubungan baik antara universiti dengan pihak sekolah
- melibatkan diri dalam semua aktiviti sekolah seperti yang diarahkan oleh pihak sekolah. Guru pelatih dilarang sama sekali melibatkan diri dalam aktiviti yang melanggar peraturan universiti
- mengajar antara 8 hingga 12 waktu seminggu dan bertanggungjawab terhadap kelas yang diajar. Jika terdapat sebarang masalah berkaitan dengan waktu pengajaran, pelatih boleh menghubungi Pensyarah Pembimbing atau Penyelaras Zon
- menepati masa pengajaran berdasarkan jadual waktu pengajaran seperti yang ditetapkan oleh pihak sekolah
- melafazkan aku janji untuk mematuhi segala peraturan LM seperti yang ditetapkan.

### 2.3 Peraturan Melapor Diri

Guru Pelatih diwajibkan melaporkan diri di sekolah masing-masing pada jam 7.30 pagi pada hari pertama LM. Pelatih yang tidak melaporkan diri pada hari dan tarikh yang ditetapkan tanpa alasan yang munasabah dianggap gagal LM.



## 2.4 Peraturan Berpakaian

Guru Pelatih hendaklah berpakaian kemas dan sesuai dengan garis panduan berpakaian yang telah ditetapkan oleh pihak sekolah dan Kementerian Pelajaran Malaysia.

Guru pelatih hendaklah sentiasa,

- memakai pakaian yang kemas dan lengkap. Pelatih lelaki hendaklah berseluar panjang, berbaju kemeja dan bertali leher. Pelatih perempuan hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dan tidak menjolok mata. Sandal tidak dibenarkan
- memakai pakaian mengikut ketetapan pihak sekolah seperti baju melayu (lelaki), baju kurung (perempuan), baju batik dan pakaian beruniform
- Sentiasa memakai tanda nama sewaktu menjalani LM.
- berambut pendek (lelaki) dan kemas. Guru pelatih tidak dibenarkan mewarnakan rambut

## 2.5 Peraturan Persediaan Pengajaran

- Guru pelatih mesti menggunakan buku persediaan mengajar yang dikeluarkan oleh Fakulti Pendidikan, UTM. Segala ruang yang disediakan di dalam buku persediaan hendaklah diisi dengan lengkap pada minggu pertama. Sekiranya pihak sekolah menghendaki persediaan mengajar disediakan dalam bentuk media elektronik (misalnya di Sekolah Bestari), salinan bercetak perlu disediakan
- Persediaan mengajar mesti dirancang dengan sempurna dan ditulis dengan lengkap sekurang-kurangnya sehari sebelum waktu pengajaran. Bagi persediaan mengajar yang tidak lengkap, markah penyeliaan pada hari berkenaan adalah sifar dan ini akan menjelaskan gred penilaian LM
- Guru Pelatih wajib mengadakan perbincangan dengan guru pembimbing dari masa ke semasa
- Guru Pelatih perlu menyediakan persediaan mengajar untuk setiap waktu pengajaran. Bagi pengajaran yang melibatkan kerja amali (2 atau 3 waktu panjang), hanya satu persediaan mengajar perlu disediakan..
- Guru Pelatih mestilah menyerahkan buku persediaan mengajar kepada Pengetua sekolah setiap minggu untuk tujuan pemeriksaan dan pengesahan
- Semua bentuk penipuan dalam penulisan persediaan mengajar akan memberikan implikasi kegagalan dalam LM:
  - i) tidak menyediakan persediaan mengajar pada mana-mana waktu pengajaran
  - ii) meniru persediaan mengajar rakan sepelatih



iii) menukar tarikh dan masa pengajaran persediaan mengajar (untuk digunakan pada pengajaran berikutnya)

## 2.6 Peraturan Cuti

- Guru Pelatih tidak dibenarkan mengambil cuti rehat kecuali cuti sakit. Bagi cuti sakit, guru pelatih hendaklah mengemukakan sijil sakit dari hospital, klinik panel UTM atau mana-mana klinik dalam zon LM
- Sekiranya guru pelatih bercuti kerana sakit atau kecemasan, guru pelatih hendaklah memaklumkan kepada pihak sekolah dan pensyarah pembimbing dengan segera. Sijil sakit hendaklah dikemukakan kepada Pengetua dan salinannya kepada pensyarah pembimbing
- Guru pelatih yang mengambil cuti kecemasan, lain-lain cuti dan ponteng dikehendaki melanjutkan tempoh LM (mengikut tempoh yang ditetapkan oleh JKLP) Sekiranya kehadiran guru pelatih kurang 80% daripada jumlah hari pengajaran tanpa kebenaran JKLP, guru pelatih akan diberi status GAGAL dalam LM dan dikehendaki mengulangi LM pada sesi yang berikutnya
- 

## 2.7 Peraturan Di Akhir Latihan Mengajar

### a) Pada hari terakhir, guru pelatih

- dikehendakikan berjumpa dengan Pengetua untuk mengucapkan terima kasih
- menyerahkan semua bahan dan alat bantu mengajar yang dipinjam dari sekolah
- menyerahkan semua buku latihan murid dan markah ujian kepada guru mata pelajaran

### b) Guru pelatih tidak dibenarkan balik sebelum tarikh tamat LM tanpa kebenaran pihak Pengetua dan JKLP . Guru pelatih yang tidak mematuhi peraturan akan dikenakan tindakan seperti dalam perkara 2.6(c).



## **:: TANGGUNGJAWAB PENSYARAH, GURU PEMBIMBING DAN GURU PELATIH 3**


### **3.1 Pengenalan**

Penyeliaan bertujuan memberikan bimbingan dan penilaian yang berterusan sepanjang tempoh LM. Oleh itu pensyarah pembimbing (PP) dan guru pembimbing (GP) berperanan penting dalam usaha membimbing guru pelatih menjalankan pengajaran dalam situasi yang sebenar. Mereka juga berperanan sebagai penilai terhadap kompetensi guru pelatih sepanjang tempoh LM mengikut sistem penilaian dan penggredan yang ditetapkan bagi melahirkan guru pelatih yang berketrampilan.

### **3.2 Pensyarah Pembimbing**

Tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh pensyarah pembimbing adalah;

- menghadiri Bengkel Pensyarah Pembimbing dan mesyuarat penyelarasan LM peringkat zon dan fakulti membuat lawatan pertama ke sekolah pada minggu pertama atau kedua untuk berjumpa pengetua, GP dan guru pelatih. Tujuan lawatan adalah;
  - memberikan penjelasan tentang program LM kepada pengetua
  - menjelaskan proses menyelaraskan penyeliaan dan bimbingan kepada GP
  - menyelesaikan masalah yang timbul berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran (jadual waktu, kelas gantian, opsyen mata pelajaran, pengagihan kelas, dll)
  - membimbing guru pelatih menyediakan laporan dan refleksi portfolio ROS
- menyelia pengajaran (pencerapan, bimbingan dan penilaian) guru pelatih berasaskan pencerapan klinikal mengikut cadangan Jadual Penyeliaan yang disediakan oleh JKLP. Kelemahan dan kekuatan kemahiran pengajaran guru pelatih hendaklah dicatat dalam buku Laporan Penyeliaan dan salinannya diserahkan kepada guru pelatih
- melaporkan perkembangan penyeliaan guru pelatih dengan memasukkan markah penyeliaan ke dalam Sistem Maklumat Latihan Mengajar berkomputer (SMLM), selepas setiap penyeliaan
- memaklumbalas kepada penyelaras zon guru pelatih yang berpotensi memperolehi gred A atau C penyeliaan pengajaran. JKLP akan melantik penyelia kedua untuk menyelia guru pelatih tersebut.
- memantau dan melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran peraturan Latihan Mengajar oleh guru pelatih kepada Penyelaras Zon
- Pensyarah Pembimbing dibenarkan membuat tuntutan perjalanan dan penginapan berdasarkan peraturan Pekeliling Perbendaharaan



### 3.3 Guru Pembimbing

Guru Pembimbing ialah guru sekolah yang dilantik oleh Fakulti Pendidikan UTM untuk menjalankan tugas penyeliaan (pencerapan, bimbingan dan penilaian).

Tanggungjawab GP adalah :

- menyelia pengajaran guru pelatih berdasarkan pencerapan klinikal mengikut cadangan Jadual Penyeliaan yang disediakan oleh JKLP. Kelemahan dan kekuatan kemahiran pengajaran guru pelatih hendaklah dicatat dalam buku Laporan Penyeliaan dan salinannya diserahkan kepada guru pelatih
- membantu guru pelatih memyesuaikan diri dengan budaya sekolah
- membimbing guru pelatih untuk mempertingkatkan kemahiran pengajaran (penguasaan konten, pengurusan kelas, persediaan pengajaran, strategi dan kaedah pengajaran)
- membentuk sahsiah guru pelatih supaya sesuai dengan profesi keguruan
- menasihati guru pelatih mematuhi dan mengamalkan kod etika profesi perguruan
- membantu guru pelatih merancang dan melaksanakan kegiatan kokurikulum
- melaporkan perkembangan penyeliaan guru pelatih dengan memasukkan markah penyeliaan ke dalam Sistem Maklumat Latihan Mengajar berkomputer (SMLM), selepas setiap penyeliaan
- memantau dan melaporkan dengan segera sebarang pelanggaran peraturan LM oleh guru pelatih kepada pensyarah pembimbing atau JKLP

### 3.4 Guru Pelatih

Tanggungjawab guru pelatih sepanjang tempoh LM adalah;

- menyerahkan jadual waktu dan takwim sekolah kepada PP dan melaporkan sekiranya berlaku sebarang perubahan jadual waktu
- menghormati serta membina hubungan yang baik dengan semua warga sekolah
- menyediakan persediaan mengajar yang lengkap bagi setiap waktu pengajaran. Lihat perkara 2.5: Peraturan Persediaan Pengajaran
- menyediakan bantu mengajar yang sesuai bagi setiap pengajaran
- melibatkan diri dalam aktiviti ko-kurikulum dan aktiviti sekolah seperti yang diarahkan oleh Pengetua
- menjaga dan mengutamakan keselamatan diri dan pelajar semasa menjalankan pengajaran, aktiviti kokurikulum dan aktiviti sekolah
- berbincang dengan GP tentang penambahbaikan pengajaran
- menyelesaikan hal-hal peribadi yang berkaitan dengan LM secara berhemah
- mematuhi waktu rasmi persekolahan
- menjalankan tugas serta tanggungjawab (selain daripada pengajaran) yang diberi oleh pentadbir sekolah dengan penuh dedikasi

- mengguna dan menjaga peralatan sekolah dengan penuh tanggungjawab
- mendapatkan pandangan dan nasihat daripada GP sekirannya menghadapi sebarang masalah disiplin pelajar
- menyediakan tempat duduk bagi kemudahan PP membuat penyeliaan pengajaran
- mengisi borang soal selidik penilaian program LM secara 'on-line' dalam laman web LM (<http://www.fp.utm.my/smlm/>)
- menandatangani borang aku janji mematuhi peraturan LM. Lihat perkara 2.2



# **4 :: PENILAIAN PENGAJARAN**

## **4.1 Pengenalan**

Penilaian merupakan usaha untuk menentukan semua strategi yang digunakan dalam pengajaran telah memenuhi hasil pembelajaran. Objektif penilaian pengajaran adalah

- memastikan guru pelatih memperolehi piawaian pengajaran yang ditetapkan
- menentukan tahap kebolehan mengajar seseorang guru pelatih
- menentukan keupayaan guru pelatih melayakkan diri sebagai seorang guru
- membolehkan pihak fakulti pendidikan memperakarkan kepada universiti sama ada guru pelatih boleh ditauliah sebagai seorang guru

## **4.2 Kriteria Penilaian Pengajaran**

Guru pelatih dinilai oleh pensyarah pembimbing dan guru pembimbing. Walau bagaimanapun laporan pengetua boleh dipertimbangkan bagi menentukan status lulus/gagal guru pelatih.

Empat aspek pengajaran yang dinilai ditunjukkan dalam jadual berikut:

Kandungan	Markah (%)
PENULISAN RANCANGAN PENGAJARAN <ul style="list-style-type: none"><li>• Hasil Pembelajaran</li><li>• Isi Pelajaran dan kefahaman</li><li>• Strategi</li><li>• Bahan bantu mengajar</li></ul>	10 10 10 5
PERLAKSANAAN PENGAJARAN <ul style="list-style-type: none"><li>• Pengenalan</li><li>• Komunikasi</li><li>• Strategi</li><li>• Penggunaan bahan bantu mengajar</li><li>• Interaksi guru-murid</li><li>• Perkembangan konsep dan penilaian</li><li>• Pengurusan masa</li><li>• Pengurusan makmal/bilik darjah</li><li>• Penutup</li></ul>	5 5 5 5 5 5 5 5 5
KEPERIBADIAN DAN IKTISAS <ul style="list-style-type: none"><li>• Kematangan dan keyakinan</li><li>• Profesionalisme</li><li>• Personaliti dan penampilan</li></ul>	5 5 5
REFLEKSI KENDIRI	5

### 4.3 Kriteria Penilaian Portfolio ROS

Portfolio ROS guru pelatih dinilai berdasarkan kriteria seperti dalam jadual berikut:

Perkara	Kriteria				
	1	2	3	4	5
PENGETAHUAN KANDUNGAN	Tidak memahami sekolah sebagai institusi pendidikan (Tidak ada bahan)	Tidak memahami sekolah sebagai institusi pendidikan (Penyusunan bahan tidak sistematis)	Mempunyai sedikit kefahaman sekolah sebagai institusi pendidikan (Penyusunan bahan kurang sistematis)	Memahami dengan jelas sekolah sebagai institusi pendidikan (Penyusunan bahan sangat sistematis)	Memahami dengan jelas dan tepat sekolah sebagai institusi pendidikan (Penyusunan bahan sangat sistematis)
BAHAN BUKTI	Tiada bahan bukti yang berkaitan.	Bilangan bahan bukti kurang dan lemah.	Bilangan bahan bukti sedikit. (Ada perkaitan tetapi lemah)	Bilangan bahan bukti mencukupi dan terkini (Ada kaitan dengan isi dan bertambah baik)	Bilangan bahan bukti banyak, relevan, terkini dan pelbagai. (Ada kaitan yang jelas dan ada unsur kreatif)
KOLABORASI	Tidak ada bukti menunjukkan kolaborasi.	Ada bukti kolaborasi tetapi huraihan tidak jelas.	Ada bukti kolaborasi dalam tugas tetapi tidak terancang.	Ada bukti kolaborasi yang terancang dalam tugas berserta huraihan yang jelas.	Terdapat banyak bukti yang menunjukkan kolaborasi terancang dengan semua pihak beserta huraihan yang jelas.
PENULISAN LAPORAN	Tidak menulis laporan.	Laporan penulisan terlalu umum dan tidak berfokus.	Laporan penulisan kurang berfokus dan tidak mengikut format ditetapkan	Laporan bertepatan dengan tajuk dan mengikut format yang ditetapkan.	Laporan lengkap, menarik dan memperlihatkan idea baru dan mengikut format ditetapkan.
REFLEKSI DAN KEMAHIRAN BERFIKIR (KB)	Tidak menunjukkan refleksi dan KB	Refleksi tidak menepati dan tidak menunjukkan	Refleksi bersifat umum dan	Refleksi berfokus dan menunjukkan unsur KB	Refleksi berfokus dan signifikan unsur-unsur KB sangat



		unsur-unsur KB	menyeluruh tetapi kurang unsur KB (kurang kritis dan analitis)	(kritis dan analitis)	jelas (sangat kritis dan analitis)
--	--	----------------	--	-----------------------	------------------------------------

**PO7 KEPIMPINAN & KEMAHIRAN KERJA BERKUMPULAN**

Markah: /25 x 100 =

(Syarat lulus ROS C+)

**4.4 Sistem Gred dan Nilai Mata**

Markah penyeliaan LM diberikan berdasarkan sistem gred semester UTM. Gred dan mata nilai berdasarkan julat markah yang ditunjukkan dalam jadual berikut ;

**Jadual 1: Gred dan Nilai Mata Mengikut Markah**

MARKAH	GRED	NILAI MATA
90 – 100	A+	4
80 – 89	A	4
75 – 79	A-	3.67
70 – 74	B+	3.33
65 – 69	B	3
60 – 64	B-	2.67
55 – 59	C+	2.33
50 – 54	C	2
45 – 49	C-	1.67
40 – 44	D+	1.33
35 – 39	D	1
30 – 34	D-	0.67
00 – 29	E	0

Bagi mendapatkan status lulus dalam LM seorang guru pelatih mestilah memperolehi sekurang-kurang Gred C+ (bagi guru pelatih ISMP) dan gred B- (bagi guru pelatih DPLI) serta diperakukan oleh Jawatankuasa Latihan Praktik dan Senat Universiti. Bagi syarat-syarat lain, sila lihat perkara 1.9



## **:: PANDUAN PENCALONAN GURU PEMBIMBING 5**

Bagi memastikan bimbingan dan penyeliaan yang berkesan terhadap guru pelatih, guru-guru yang dicalonkan oleh pihak sekolah hendaklah memenuhi kriteria berikut:

a. Kelayakan akademik	Sekurang-kurangnya mempunyai Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan atau lain-lain kelulusan yang setaraf dengannya. (sekiranya kelayakan akademik tidak dipenuhi, guru-guru yang mempunyai pengalaman luas dalam bidang berkaitan boleh dipertimbangkan.)
b. Kelayakan Ikhtisas	Diploma Pendidikan atau Sijil Perguruan atau lain-lain kelayakan professional perguruan yang setaraf dengannya.
c. Pengalaman	Sekurang-kurangnya tiga (3) tahun mengajar dalam bidang berkaitan secara berterusan.
d. Pengesahan jawatan	Telah disahkan dalam jawatan.
e. Tatatertib	Tidak pernah dikenakan tindakan tatatertib
f. Keutamaan	Guru Matapelajaran Guru pakar dalam bidang berkenaan Ketua bidang Ketua Panitia



# **6 :: PANDUAN PERUNTUKAN WAKTU PENGAJARAN**



6.1 Bagi memastikan guru pelatih memperoleh pengalaman serta latihan yang mencukupi dalam bidang pengkhususan masing-masing dan diiktiraf oleh Kementerian Pelajaran Malaysia, kerjasama pihak sekolah diminta untuk:

- a. memberi keutamaan pengajaran berdasarkan bidang matapelajaran pengkhususan guru pelatih ( seperti yang tercatat dalam senarai nama).
- b. memperuntukan bilangan waktu pengajaran guru pelatih mengikut pengkhususan matapelajaran antara 8 hingga 12 waktu pengajaran seminggu. Ini tidak termasuk aktiviti ko-kurikulum

Sekiranya bilangan waktu pengajaran tidak dapat dipenuhi dengan mata pelajaran pengkhususan , waktu pengajaran boleh ditambah dengan matapelajaran lain yang berkaitan (seperti yang ditunjukkan dalam jadual 4 di bawah)

Jadual 4:

#### **Mata pelajaran berkaitan sebagai tambahan kepada matapelajaran pengkhususan**

Matapelajaran Pengkhususan	Matapelajaran lain yang berkaitan
Kimia/Fizik	Sains KBSM
Matematik	Matematik Tambahan
Kemahiran Hidup / Rekabentuk dan Teknologi	Lukisan Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Rekacipta
Matapelajaran Teknikal (mengikut pengkhususan)	Lukisan Kejuruteraan/ Teknologi Kejuruteraan/ Rekacipta/ MPV/MPAV

